

21 MAC 2018

Lelaki proses air ketum ditahan di ladang kelapa sawit bersama pistol

Lelaki proses air ketum ditahan di ladang kelapa sawit bersama pistol

KOTA BHARU - Kegiatan seorang lelaki memproses air ketum terbongkar apabila dia ditahan bersama dua rakannya termasuk seorang lelaki warga Indonesia dalam serbuan di sebuah ladang kelapa sawit di Kemahang 2, Tanah Merah, dekat sini, Jumaat lalu.

Turut ditemui dalam serbuan pada pukul 6 petang itu adalah sepucuk pistol yang disorokkan dan dua butir peluru hidup.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Hasanuddin Hassan berkata, berlaku pergelutan ketika anggota dari Batalion 8 Pasukan Gerakan Am (PGA) Pengkalan Chepa mahu memberkas sus-



HASANUDDIN (dua dari kanan) menunjukkan sepucuk pistol, daun dan air ketum yang dirampas pada sidang akhbar di IPK Kelantan semalam.

pek utama berusia 34 tahun itu.

Katanya, suspek turut menunjukkan sepucuk pistol berwarna hitam yang disembunyikan pada celah batang

pokok kelapa sawit selain pemeriksaan turut menemui dua peluru hidup dalam beg pinggang yang dipakainya.

"Suspek mengakui dia memperoleh senjata

api itu dari rakannya di Thailand dan siasatan lanjut masih dijalankan bagi mengenal pasti tujuan dia menyimpan pistol tersebut," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan di sini semalam.

Menurut Hasanuddin, pemeriksaan di lokasi turut menemui tiga liter cecair disyaki air ketum, 300 mililiter ubat batuk dan 800 gram daun ketum yang keseluruhannya bernilai RM100.

Ujarnya, suspek turut mengaku kesemua barang yang dirampas adalah miliknya dan diperolehi daripada pembekal tempatan di sekitar Kemahang, Tanah Merah.